



## **SIARAN AKHBAR**

---

## **PRESS STATEMENT**

S.A. 2016/03/18(HQ)

### **PERUNTUKAN RM14 JUTA TNB PERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR DI PERLIS**

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** pada tahun ini memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM14 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Perlis.

Menurut Pengurus Besar Negeri (Perlis), Bahagian Pembahagian TNB, Abd Aziz bin Yaacob, sebahagian daripada peruntukan tersebut iaitu sebanyak RM7 juta bertujuan memperkukuhkan lagi sistem bekalan elektrik di kawasan Padang Besar.

Tambah beliau lagi, TNB Negeri Perlis juga sentiasa berusaha memastikan gangguan bekalan elektrik dikurangkan seminima mungkin agar kepuasan pengguna dapat dioptimumkan dan tiada pihak yang mengalami kerugian.

Menurut beliau lagi, tempoh gangguan bekalan elektrik di Negeri Perlis pada tahun lalu merekodkan catatan yang rendah iaitu hanya 35 minit setiap pengguna pada tahun 2014/2015 berbanding 35.2 minit pada tahun 2013/2014.

Encik Aziz turut menyeru kepada para pengguna supaya menggunakan elektrik secara berhemah, selamat, dan bijak iaitu dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan bagi mengelakkan kemalangan yang boleh meragut nyawa.

Di majlis tersebut, TNB turut menyumbangkan sebanyak 10 buah 'water cooler' kepada masjid-masjid di seluruh Kawasan Parlimen Padang Besar yang bernilai RM20,000 untuk kemudahan orang ramai.

Turut menghadiri diri, Ahli Parlimen Padang Besar, YB Datuk Zahidi bin Zainal Abidin, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Beseri, YB Datuk Mat Rawi bin Kassim, serta Ketua Kawasan Utara Suruhanjaya Tenaga, Pulau Pinang, Kedah & Perlis, Tuan Haji Md Zakuan bin Haji Ibrahim.

**Dikeluarkan di Perlis pada 12 Mac 2016**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Wan Yusrizal Wan Yusof (013-4282907) atau  
Maizatul Nadiyah Saadon (017-381 6602)*

[media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)